

Hishammuddin macam pengkritik Mahathir

UM- 1/6/2005.

PUTRAJAYA 31 Mei — Ketua Pemuda UMNO Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata budaya mengkritik pemimpin terdahulu yang pada hakikatnya telah banyak berjasa kepada negara harus ditolak oleh rakyat Malaysia.

Sambil merujuk kepada kritikan yang dilemparkan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa kononnya beliau tidak berbuat apa-apa untuk memerangi rasuah ketika menjadi Perdana Menteri, Hishammuddin menyifatkan mereka yang membuat tuduhan itu sebagai pengecut.

“Sebelum ini, mereka membisu. Sekarang, seolah-olah bila dah tukar kepimpinan, mereka nak jadi hero. Bagi

kita dalam Pemuda UMNO, ini bukan satu keadaan yang boleh menunjukkan seseorang itu hebat,” katanya.

“Jangan kita guna label berani pun kepada mereka ini kerana mereka menyuarakan sesuatu dalam kepentingan mereka tak terjejas, tak terhakis. Nak takut apa? Itu bukan keberanian bagi saya,” kata Hishammuddin yang juga Menteri Pelajaran kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Menjunjung Budi Guru Pedalaman di sini.

Dr. Mahathir semalam kesal dengan tulisan editor kanan akhbar *The Star* Datuk Wong Chun Wai yang menyebut bekas Perdana Menteri yang memimpin Malaysia selama 22 tahun

itu sepatutnya melakukan lebih banyak untuk memerangi rasuah.

Kata Hishammuddin: “Saya sudah lalui ini masa arwah ayah saya (Perdana Menteri ketiga Tun Hussein Onn) melepaskan jawatan. Saya sedikit sebanyak dapat memahami apa yang terpaksa dilalui Tun Dr. Mahathir.”

Beliau berkata golongan yang lemparkan kritikan terhadap bekas-bekas pemimpin negara tidak perlu dilayani kerana hakikatnya ramai yang cukup menghormati kepimpinan mereka dulu.

Hishammuddin yang marah berkata: “Bagi saya, ada masanya apabila kita boleh benarkan dan ada masa kita ter-

paksa bangun dan cakap apa orang telah buat salah.

“Saya tidak fikir bahawa jika diberikan separuh peluang para pengkritik boleh melakukan 10 peratus apa yang telah dilakukan oleh pemimpin dulu untuk Malaysia.

“Jadi, jangan cuba menjatuhkan mereka apabila mereka (pengkritik) tidak pernah berada pada kedudukan itu, mereka tidak pernah memimpin sebuah negara yang banyak kepelbagaian dan kompleks seperti Malaysia.”

Hishammuddin percaya bahawa pemimpin sebelum ini telah sedaya upaya melakukan usaha untuk mengatasi masalah rasuah. — Bernama